

ANTOLOGI BINTANG HATI**CERPEN LEGASI TAPAI UBI****AKTIVITI :**

Rujuk nota Cerpen Legasi Tapai Ubi yang diberikan. Lengkapkan perbincangan yang berikut dengan menyeret jawapan yang sesuai.

PILIHAN JAWAPAN	
masyarakat yang mentaati perintah kedua-dua ibu dan bapa	masyarakat yang gigih berusaha dalam mencari rezeki.
Parjo bersungguh-sungguh membantu ibu dan bapanya menghantar tapai ubi pada setiap pagi.	Dr. Parjo menghargai jasa ibu dan bapanya dengan menyatakan bahawa kejayaannya adalah berkat daripada inspirasi ibu dan bapanya.

PERBINCANGAN PENDAPAT

Yasmin : Pada pendapat saya, cerpen 'Legasi Tapai Ubi' mengandungi pelbagai latar masyarakat. Salah satu latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut ialah masyarakat yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu kerja.

Danial : Saya setuju dengan pendapat Yasmin. Contohnya, **(1)** _____

Hani : Berdasarkan pembacaan saya pula, latar masyarakat lain yang terdapat dalam cerpen ialah **(2)** _____.
 Contohnya, Wak Salikon dan isterinya gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi sehingga berjaya membuka sebuah kilang.

Tasha : Danial, apakah bukti lain yang menunjukkan cerpen ini mengandungi pelbagai latar masyarakat?

Danial : Buktinya, terdapat juga latar masyarakat yang menghargai jasa ibu dan bapa. Contohnya, **(3)** _____

Hani : Berikan latar masyarakat lain yang terdapat dalam cerpen ini, Tasha.

Tasha : Selain itu, terdapat juga **(4)** _____.
 Contohnya, Parjo sentiasa mentaati perintah ibu bapanya dalam membawa jualan tapai ubi yang dihasilkan oleh mereka.